

Kembara Sutera

2014.12

CRI

中国国际广播电台
CHINA RADIO INTERNATIONAL

Melihat Salji Menari di China
Bercuti di Hangzhou Bak Berada di Kayangan
Hainan, Mutiara di Laut China Selatan
Asal Usul Weiqi
Panduan Membeli Belah di China pada Hujung Tahun
Kalender 24 Musim

Lijiang

*Kota Purba yang Dilupakan
oleh Kebisingan*

Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti :



restoran
Islam



masjid



pusat
beli-belah



tempat
pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

App Waktu solat di China ini khusus untuk pengguna Android. Anda boleh muat turun aplikasi ini di google play store.



Wacana Dari Tembok Besar

Masa begitu pantas berlalu. Rasanya baharu semalam kita menyambut tahun 2014, tanpa disedari, kita sudah berada di penghujung tahun. Sepanjang tahun 2014 ini, kita melalui pelbagai peristiwa yang menjadi catatan sejarah. Antaranya sambutan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik China-Malaysia. Tidak lupa juga misteri kehilangan pesawat MH370 pada bulan Mac, yang hingga kini belum terjawab, dan hampir menggugat hubungan baik kedua-dua negara. Walaupun awan kelabu mewarnai hubungan kita buat seketika, sidang editor Kembara Sutera (KS) tetap menghulurkan benang sutera buat menjejapkan ikatan yang terjalin sekian lama itu.

Negara besar ini mempunyai banyak destinasi yang masih belum anda terokai. Teruskan membaca KS untuk mengetahui lokasi yang mungkin menepati cita rasa pelancongan anda. Pilih saja cara pelancongan anda, sama ada secara bersendirian, atau menggunakan perkhidmatan ejen pelancongan. Jika anda menyukai adventure, keluaran kali ini membawa anda menjejaki kota purba Lijiang di Yunnan. Kota yang menjadi masih terpelihara dengan baik ini berbeza dengan tiga lagi kota purba lain di China. Jika anda pernah berkunjung ke kota purba Pingyao di Shanxi, Lijiang tidak dikelilingi tembok, mahupun lorong berpetak. Apa-apapun, jika anda menggemari kota lama, Lijiang mengalu-alukan anda.

Disember merupakan puncak musim dingin, yang berkait rapat dengan salji. Walaupun kami tidak menjamin anda bakal menikmati salji dalam percutian ke negara ini, tidak salah jika anda membaca destinasi salji yang indah. Mungkin rencana ini boleh membantu anda merancang percutian salji anda pada masa akan datang.

Sehingga berjumpa lagi, kunjungan anda kami nantikan. Selain itu, kami turut menanti maklum balas anda untuk menambah baik persembahan KS. Bak pantun Melayu:

Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan;
Kami baharu belajar,
Kalau salah, tolong tunjukkan.

张雯雯
Awan

06

Lijiang, Kota Purba yang Dilupakan oleh Kebisingan

10

Melihat Salji Menari di China

14

Bercuti di Hangzhou Bak Berada di Kayangan

18

Hainan, Mutiara di Laut China Selatan

20

China ABC: Asal Usul Weiqi

22

Tujuh Cara Atasi Gangguan Ritma Harian

24

Panduan Membeli Belah di China pada Hujung Tahun

28

Kalender 24 Musim

32

Etnik yang Beragama Islam di China – Etnik Hui

33

Masjid Qianmen, Beijing

34

Sup Itik dengan Suhun



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

Nelawati Ngadul

Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

Oktober, Disember, Februari, April, Jun, Ogos

Laman Sesawang:

<http://malay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:

mal@cri.com.cn

Surat-menyurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:

+86-10-68892073

Lijiang

Kota Purba yang Dilupakan oleh Kebisingan

oleh: **Cao Jie**

Kota purba Lijiang yang juga dikenali sebagai Pekan Dayan terletak di provinsi Yunnan, barat daya China. Kota purba Lijiang, satu daripada empat kota purba yang terpelihara paling baik di China. Berbeza dengan kota-kota purba lain di China, Lijiang tidak ada tembok kota atau gerbang yang tinggi, jalan di sini juga tidak disusun rapi seperti papan catur. Pemandangan semula jadi dan sederhana di kota purba ini serta kebudayaan dan adat resam etnik minoriti yang unik di sini membolehkan kota purba Lijiang berjaya disenaraikan sebagai Warisan Budaya Dunia.

Kota purba Lijiang mula dibina pada akhir abad ke-12 Masihi. Kota purba yang luasnya kira-kira empat kilometer persegi ini dibina di Dataran Tinggi Yunnan-Guizhou pada ketinggian purata 2,400 meter dari paras laut. Sejak zaman dahulu, kota purba ini telah pun menjadi tapak pasar desa dan pekan penting yang amat terkenal. Penduduk belasan etnik minoriti dan etnik Han tinggal di Lijiang. Entik Naxi menempati kira-kira 70% daripada seluruh penduduk di kota purba ini.

Terdapat banyak air di kota purba Lijiang. Ini merupakan pemandangan istimewa di sini. Banyak anak sungai dan parit yang berpunca dari Tasik Heilong di utara mengalir di kota purba ini. Anak sungai dan parit tersebut mengalir di sisi jalan, rumah kediaman dan bangunan-bangunan lain. Sebanyak 354 buah jambatan

yang diperbuat daripada batu dan kayu yang bentuknya berbeza-beza dibina di kota purba Lijiang.

Jalan Sifang (Sifang bermaksud empat segi), iaitu pusat kota purba Lijiang, pernah menjadi lokasi para saudagar dari pelbagai tempat berkumpul untuk berurus niaga di Laluan Teh Purba. Sekarang jalan ini turut menjadi tumpuan pelancong dan tempat yang paling sibuk dan meriah di kota purba Lijiang. Pada waktu malam, muda-mudi tempatan akan berkumpul di Jalan


Sifang untuk aktiviti Datiao. Datiao yang bermaksud tarian secara beramai-ramai, amat disukai penduduk Yunnan. Para pelancong yang diketuai penduduk tempatan, saling berpegang tangan membentuk satu bulatan, menari bersama-sama mengelilingi unggun api di tengah-tengah bulatan itu. Suasananya sungguh meriah.

Selepas menikmati pemandangan yang biasa di kota purba ini, untuk mengetahui lebih banyak sejarah dan kebudayaan etnik Naxi, anda dicadangkan



melawat ke Mufu, kediaman rasmi keluarga Mu, iaitu pemerintah tempatan pada zaman purba. Bangunan yang masih terpelihara di Mufu adalah bangunan yang dibina pada zaman Dinasti Ming (1368-1644 Masihi) dan Qing (1636-1912 Masihi), yang kelihatan megah dan mewah serta dihiasi ukiran yang halus dan lukisan yang cantik. Keluarga Mu telah melalui Dinasti Yuan, Ming dan Qing. Pada zaman kegemilangannya, keluarga Mu telah membina hampir seratus buah bangunan yang menjadi "jantung" kota purba Lijiang yang mempunyai sejarah lebih 800 tahun ini.

Etnik Naxi telah mencipta budaya yang istimewa pada zaman purba. Budaya etnik Naxi terkenal kerana ia berkembang dan dipelihara dalam agama Dongba, iaitu agama yang hanya dianuti penduduk etnik Naxi sahaja. Budaya Dongba



merangkumi perkataan, kitab, lukisan, muzik, tarian dan pelbagai upacara persembahan.

Perkataan Dongba merupakan piktograf primitif. Sebanyak 1,400 buah perkataan piktograf tersebut masih digunakan sehingga zaman sekarang dan merupakan satu-satunya piktograf yang masih digunakan di dunia pada masa ini. Perkataan Dongba dianggap sebagai warisan budaya berharga seluruh manusia. Kini, semakin banyak sarjana di dunia mengkaji perkataan Dongba.

Kitab Dongba ditulis dengan perkataan Dongba. Sekarang terdapat kira-kira 40 ribu buah kitab ini di dunia. Selain China, kitab Dongba juga disimpan di Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan negara-negara lain. Di Perpustakaan Kongres Amerika Syarikat dan Perpustakaan Universiti Harvard sahaja tersimpan lebih 4,000 buah kitab Dongba.

Kitab Dongba merupakan bahan rujukan yang berharga untuk mengkaji falsafah, agama, adat resam, masyarakat,

sejarah, etika dan moral, hubungan dengan etnik lain, kesusasteraan, kesenian, bahasa dan perkataan Naxi pada zaman purba. Beberapa not tarian dari kitab Dongba merupakan satu-satunya not tarian yang ditulis dengan piktograf di dunia. Kini, penari masih boleh menari dengan menurut not tarian itu, dan hal ini sungguh menakjubkan.

Kebanyakan lukisan Dongba dilukis pada papan kayu, kertas dan kulit kambing. Lukisan Skrol Dongba paling terkenal. Lukisan imej dewi dan syaitan merupakan lukisan Dongba yang paling tipikal. Lukisan sepanjang 14 meter itu mempunyai lebih 400 lukisan manusia, dewa, dewi, Buddha, syaitan dan binatang daripada syurga, dunia insani dan neraka.

Muzik Dongba merupakan muzik klasik yang menggabungkan muzik ajaran Tao etnik Han, muzik agama Buddha dan muzik asli etnik Naxi. Muzik Dongba murni dan merdu dan digelar sebagai satu-satunya "fosil hidup" muzik.

Agama Dongba mempunyai lebih 50 jenis upacara persembahan, yang paling utama ialah upacara persembahan untuk langit, angin dan doa agar panjang umur.

Sebagai gunung dewi yang dipuja oleh etnik Naxi, "San Duo" merupakan jelmaan Gunung Salji Yulong. Pada 8 hb bulan 2 menurut kalendar China setiap tahun, masyarakat

etnik Naxi mengadakan aktiviti yang meriah untuk merayakan "Pesta San Duo". Terdapat banyak legenda yang penuh misteri mengenai Gunung Salji Yulong yang puncak tertingginya 5,596 meter dari paras laut itu dan diwariskan dalam kalangan masyarakat tempatan. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada orang yang berjaya mendaki ke puncak gunung tersebut.


Selain Pesta San Duo, Pesta Obor juga diraikan dengan meriah di Lijiang pada 25 hingga 27 hb bulan 6 dalam kalendar China setiap tahun. Menurut adat resam etnik Naxi, pesta itu akan berlangsung selama tiga hari dengan obor



yang dinyalakan sepanjang tiga malam. Sempena pesta itu, sebuah obor yang sangat besar dan panjang akan dinyalakan di kampung pada waktu pagi, manakala setiap orang muda etnik Naxi membawa obor kecil berjalan sambil menyanyi mengikut jalan-jalan di tepi ladang dan bukit sehingga

jauh malam. Api obor yang kuat menandakan kesyukuran yang lebih, dan penduduk lebih gembira.

Kota purba Lijiang juga merupakan pusat pengedaran barangan dan tempat penghasilan kraf tangan yang penting di kawasan barat daya Yunnan. Oleh itu, produk istimewa tempatan dari pelbagai tempat di barat daya Yunnan dapat ditemui di sini. Mereka yang menyukai lukisan dinding, dicadangkan membeli lukisan dinding Naxi tempatan, yang harganya antara 15 hingga 30 yuan (kira-kira RM 7.5--15). **Ks**



Panduan:
Pengangkutan: Lijiang mempunyai lapangan terbang. Terdapat penerbangan domestik ke Lijiang. Kebanyakan pelancong Malaysia memilih untuk ke bandar Kunming, ibu kota provinsi Yunnan, kemudian ke Lijiang. Penerbangan dari Kunming ke Lijiang mengambil masa satu jam.
Penginapan: Terdapat banyak rumah penginapan yang diuruskan oleh penduduk tempatan Lijiang atau pendatang dari tempat lain. Kebanyakan pelancong menginap di rumah-rumah penginapan di kota purba ini kerana harganya berpatutan, perkhidmatannya baik, dan binaan yang mempunyai keistimewaan tersendiri.

Melihat Salji Menari di China

oleh: **Lin Ying**

Tanpa salji, musim dingin bukanlah musim sejuk sebenar. Semasa salji turun, mendaki puncak gunung, atau berada di padang luas, lautan salji memutih yang terbentang sejauh mata memandang sungguh memukau. Keterujaan di hati tatkala buat pertama kalinya anda memegang salji dan melihat sendiri empingan salji menari-nari di udara tidak tergambar dengan kata-kata. Di China, terdapat beberapa tempat yang terkenal sebagai destinasi terbaik untuk menikmati pemandangan salji.

Gunung Lushan

“Keindahan Gunung Lushan tiada tandingannya”, petikan puisi klasik ini cukup untuk menggambarkan tarikan gunung tersebut. Gunung Lushan di provinsi Jiangxi mampu menampilkan pemandangan yang berbeza mengikut musim. Pada musim sejuk, Gunung Lushan bertukar wajah dengan liputan salji tebal di kemuncaknya. Alang berwarna merah, cucur atap berwarna kuning dan genting hijau pavilion-pavilion di atas gunung ini, serta salji yang memutih saling menyerikan,

menghasilkan panorama yang cukup menawan hati. *Wusong*, fenomena alam wap air dalam udara membeku pada daun dan ranting pokok kerana suhu jatuh secara mendadak, serta pagoda-pagoda diselimuti ais dan salji yang menghiasi Gunung Lushan, turut menyerlahkan pesona gunung ini pada musim sejuk.

Mata air panas merupakan tarikan yang tidak boleh dilepaskan jika anda mengunjungi Gunung Lushan pada musim sejuk. Mandi di dalam kolam mata air panas berlatarkan gunung yang

ditutupi salji, minum teh sambil menghirup udara segar, pasti menyenangkan hati.



Pulau Wusong

Kawasan timur laut China, destinasi wajib dilawati pada musim sejuk. Salji yang turun dengan lebat di provinsi Liaoning, Jilin dan Heilongjiang menghasilkan pemandangan *wusong* yang amat menakjubkan. Pulau *Wusong* di provinsi Jilin seindah lukisan, menambah kedynamikan kepada musim sejuk. Ketika tanah di utara masih sunyi sepi, anda pasti terpicat oleh pemandangan yang sungguh luar biasa dan indah sebaik menjejak kaki ke

dunia ais ini.

Pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari merupakan masa terbaik untuk menyaksikan pemandangan *wusong* di Pulau Wusong, yang terletak di hilir Sungai Songhua, 35 kilometer dari bandar Jilin. Pohon-pohon dihiasi *wusong* yang beraneka bentuknya, serta pemandangan matahari terbenam yang indah menjadikan Pelabuhan Feri Han Tun di sebelah timur pulau ini pilihan popular bagi peminat fotografi.



Gunung Salji Xiling

Keindahan Gunung Salji Xiling digambarkan dalam puisi Du Fu, penyajak tersohor pada zaman Dinasti Tang. Du Fu yang tinggal di Chengdu pada ketika itu, terlihat Gunung Salji Xiling yang memuncak setinggi langit di ufuk, hingga menjadi sumber ilhamnya untuk menghasilkan puisi klasik berkenaan.

Menikmati bunga azalea pada musim bunga, mengelakkan diri daripada kepanasan semasa musim panas, menyaksikan dedaun merah pada musim luruh, dan bermain ski ketika musim sejuk menjadi agenda wajib di gunung ini. Gunung Salji Xiling sesuai dilawati sepanjang



tahun. Apabila tiba musim sejuk, lautan awan, matahari terbit, hutan yang luas, gunung salji bermandikan cahaya matahari yang memancarkan sinaran keemasan, menyerlahkan pemandangan yang sungguh mengasyikkan.

Gunung Salji Xiling di provinsi Sichuan bertukar wajah kepada hamparan salji memutih pada penghujung bulan Disember. Dengan panorama seindah kayangan, tempat ini menjadi syurga untuk para peminat fotografi. Merasai

keseronokan bermain salji selain mencabar keberanian meluncur menuruni cerun, atau mengecap secawan minuman panas di kedai kopi sambil menikmati pemandangan di luar, menjanjikan pengalaman yang sukar dilupakan.



Jiuzhaigou

Bersiar-siar di Jiuzhaigou pada musim sejuk yang diselubungi kesunyian, pasti menenangkan hati dan jiwa anda. Tanpa hiasan dedaun berwarna-warni seperti pada musim luruh, panorama salji di Jiuzhaigou tetap mempesona. Hamparan salji memutih menjangkau hingga ke kaki langit membiru, anak sungai mengalir tenang di bawah lapisan ais, gunung-ganang dan pepohon diliputi salji tebal, galur-galur saling bersilang, air terjun dan tasik yang membeku jernih seperti kristal, segala-galanya dikurniakan oleh alam, umpama sebuah karya lukisan klasik yang indah.

Gunung salji, antara lima tarikan Jiuzhaigou yang mesti dikunjungi semasa musim sejuk. Bersinar-sinar dalam cahaya matahari berlatarkan langit membiru, bagaikan seorang kesateria yang



gagah berani, berjaga di sisi Jiuzhaigou sepanjang musim sejuk. Bayang-bayang rumpai air pada permukaan Tasik Xiniu yang tenang, menjadikan tasik ini kelihatan penuh misteri. Tasik Changhai, destinasi yang paling tinggi altitudnya di Jiuzhaigou, sudah membeku, menyajikan pemandangan yang sungguh mengagumkan. Air di Jeram Mutiara menderu-deru membelah ais, umpama kaleidoskop dengan jalinan warna yang silih berganti.

Harbin

Lokasi geografi yang terletak di timur laut China, menyebabkan curahan salji di Harbin tidak dapat ditandingi oleh tempat-tempat lain, sekali gus menjadikan bandar ini syurga untuk para peminat permainan salji. Pesta Ais dan Salji Antarabangsa serta Ekspo Seni Arca Salji Antarabangsa yang diadakan setiap tahun menarik ramai pelancong tempatan dan asing berkunjung ke bandar ais ini, yang turut dilengkapi tempat peranginan luncur salji Yabuli. Selain bermain salji, jangan



lepaskan peluang untuk menikmati pertunjukan tanglung ais di sini. Tanglung ais beraneka bentuk yang jernih dan berwarna-warni, membawa anda seolah-olah berada di alam fantasi. Pesta Ais dan Salji Antarabangsa Harbin biasanya diadakan pada awal bulan Januari setiap tahun. Dengan ciptaan lampu ais, serta ukiran arca salji dan ais gergasi, tidak hairanlah Harbin dinobatkan sebagai “dunia salji”.

Bulan Disember hingga Januari tahun berikutnya merupakan waktu terbaik untuk melawat bandar Harbin. Keputihan salji yang memenuhi pandangan mata, landskap kota gabungan gaya China dan Barat, serta adat resam yang istimewa di utara, semua kenangan ini pasti akan tersemam dalam sanubari anda.

Landskap budaya dan alam semula jadi, serta pelbagai aktiviti menarik seperti Parti Taman Tanglung Ais menjadikan Harbin tempat peranginan salji yang amat unik. **KS**

Tips:

1. Pakai kot tebal tahan angin, sarung tangan, topi dan kasut yang tapaknya mencengkam.
2. Bermain ski memerlukan banyak tenaga, jadi anda mudah berpeluh. Untuk mencegah selesema, jangan tanggalkan baju serta merta selepas selesai bermain ski.
3. Bawa beberapa makanan berkalori tinggi untuk menambah tenaga, seperti coklat dan kismis.
4. Ketika mengambil gambar sebagai kenang-kenangan, jangan cuba memanjat cenuram untuk mendapatkan latar belakang yang dikehendaki.
5. Pakai kaca mata hitam bagi mengelakkan buta salji.

Percutian di Hangzhou

Bak Berada Di Kayangan



Wang Jin @ Fairus, Ketua Editor majalah Kembara Sutera. Dilahirkan dan dibesarkan di bandar raya Beijing. Suka membaca, melancong dan mencuba makanan istimewa yang enak apabila melancong ke sesuatu tempat. Dalam K.S. terbitan ini, ikutilah Fairus melancong secara santai ke Hangzhou, untuk menghayati keindahan Tasik Barat dan Taman Paya Xixi.

“Xu Xian, seorang pemuda jatuh cinta dengan Bai Suzhen, jelmaan ular putih pada pandangan pertama apabila mereka terjumpa di Jambatan Duan. Namun percintaan antara manusia dengan jelmaan ular putih itu ditentang oleh Kerajaan Kayangan. Maka sami Fa Hai dihantar untuk mengganggu percintaan mereka. Bai Suzhen ditahan di dalam Pagoda Leifeng. Beberapa lama kemudian, Pagoda Leifeng runtuh, Bai Suzhen dibebaskan dan dapat berkumpul semula dengan suaminya.”

Inilah cerita Legenda Ular Putih yang tersebar popular dalam kalangan rakyat. Cerita yang kononnya berlaku di Hangzhou ini menjadikan bandar ini dan Tasik Barat khususnya lebih menarik minat pelancong.

Hangzhou digelar sebagai “syurga di bumi”. Menurut legenda, sepasang naga dan burung phoenix di langit membuat sebiji mutiara. Mutiara itu jatuh dari langit ke bumi dan menjadi Tasik Barat. Pada suatu hujung minggu Jun lalu, penulis bercuti dua hari di bandar bak kayangan ini.

Merancang Percutian Jimat

Terdapat beberapa cara pengangkutan ke Hangzhou dari Beijing. Selepas membandingkan penerbangan dan kereta api berkelajuan tinggi, saya memilih cara kedua. Ini bukan sahaja kerana belanjanya lebih rendah, tetapi juga kerana ketepatan masanya lebih terjamin. Jika mengalami

salah jika memilih hotel di tepi Tasik Barat. Walaupun hotel di tepi tasik lebih mahal, namun pemandangannya bagus, pengangkutannya senang dan restoran pun banyak. Bagi orang yang lebih suka menginap di hotel mewah, mereka boleh memilih Four Seasons, Penisular atau Shangri-La. Namun saya memilih sebuah hotel empat bintang dan bayarannya tidak sampai 400 yuan sehari.

Selepas tiket kereta api laju dan hotel ditempah, hanya menunggu waktu untuk berlepas.

Hangzhou, Aku Datang

Pada pukul 3.30 petang Jumaat, saya sampai di Stesen Kereta Api Selatan Beijing. Kereta api berkod G37 itu berlepas pada pukul 4.05 petang dan akan sampai di Stesen Kereta Api Timur Hangzhou pada pukul 9.31 malam. Perjalanan dalam kereta api atau kapal terbang biasanya amat membosankan. Oleh itu, saya membawa iPad dan memuat turun beberapa drama TV untuk ditonton bagi menghabiskan waktu lebih lima jam itu.

Setelah keluar dari Stesen

Kereta Api Timur Hangzhou, saya terus menaiki subway untuk pergi ke hotel. Lebih 20 minit kemudian, saya sudah berada di lobi hotel untuk mendaftar masuk.

Bilik saya kecil, namun amat selesa. Semua kemudahan dan barangan di bilik bermutu tinggi. Ini membuktikan pemilihan saya ini amat bijak.

Melancong di Tasik Barat dalam Hujan Renyai

Menurut Legenda Ular Putih, Xu Xian terjumpa dengan isterinya di Jambatan Duan dalam cuaca hujan. Sekarang musim hujan di Hangzhou, kalau boleh melawat dalam hujan renyai, ia mesti suatu perkara yang amat romantik.


Lepas bangun dan sarapan, saya keluar dari hotel.



kelewatan, tak tahulah berapa lama kena menunggu di lapangan terbang ya.

Satu lagi perkara yang mesti dirancang dahulu ialah penginapan. Ini kerana sekarang musim melancong, pasti hotel-hotel di bandar Hangzhou, khususnya yang di lokasinya bagus habis ditempah.

Oleh sebab ini kali pertama saya pergi ke Hangzhou, saya tidak tahu kawasan mana yang paling bagus bagi pelancong. Namun, pasti tak



Memang betul turun hujan dan ini membuatkan saya tak sabar nak pergi ke tepi tasik.

Ketika berdiri di tepi Tasik Barat, segala kebisingan dan kesibukan seolah-olah dipisahkan dan hanyalah air tasik yang tenang, bukit-bukau yang bersambung dan ranting pokok willow yang melambai-lambai terbentang di depan mata saya.

Ada banyak perahu kecil yang dihentikan di tepi tasik, tukang-tukang perahu masing-masing menyapa saya dan menawarkan pelancongan dengan menaiki perahu beratap itu. Selepas bertanya tentang harganya, saya cuba tawar-menawar dengan seorang tukang. Namun katanya harga itu tidak boleh ditawar. Ketika ini



baru saya nampak ada papan tanda yang menyatakan sewa perahu ini: 150 yuan untuk 1 jam. Kalau anda datang ke sini bersama-sama sahabat atau keluarga, anda boleh mencuba cara lawatan ini. Sebuah perahu beratap ini boleh membawa



empat hingga enam orang.

Jambatan Duan ialah destinasi pertama saya. Maka saya menaiki bas No. 7 dan turun di perhentian Duanqiao (Jambatan Duan).

Jambatan Duan ini

menyambungkan Jalan Beishan dengan Tambak Putih (Bai Di) yang memisahkan Tasik Barat menjadi bahagian dalam dan bahagian utara.

Walaupun jambatan Duan amat terkenal,

namun selepas melawat, saya berasa kecewa sedikit, ini sebab jambatan ini terkenal kerana cerita asal usulnya, tetapi bukan bentuk atau rupanya.

Destinasi seterusnya ialah Tambak Su. Terdapat beberapa

bas yang mengelilingi Tasik Barat, maka mudah sahaja pergi ke tambak itu.

Tambak Su yang menyambungkan tebing utara dengan tebing selatan Tasik Barat membahagikan tasik ini menjadi dua bahagian, dengan bahagian timur lebih luas. Tambak Su panjangnya 2,797 meter dan merupakan tambak yang paling panjang di Tasik Barat Hangzhou. Terdapat enam buah jambatan iaitu Yingbo, Suolan, Wangshan, Yadi, Dongpu dan Kuahong di sepanjang tambak panjang ini. Ketika berjalan di tambak ini, pokok-pokok yang menghijau dan bunga-bunga yang berkembang mekar di kedua-dua tepi jalan membuatkan persekitaran di sini amat menyeronokkan. Bukan sahaja pelancong yang melawat ke sini, malahan ramai penduduk tempatan Hangzhou suka berjalan-jalan atau beriadah di

tempat yang cukup tenang dan sunyi ini.

Oleh sebab saya berjalan dari utara menuju ke arah selatan mengikut jalan tambak ini, apabila akan sampai hujungnya, saya nampak sebuah pagoda di sebelah kiri tambak, iaitu Pagoda Leifeng. Menurut Legenda Ular Putih, sami Fa Hai menahan Bai Suzhen di dalam pagoda ini. Bertahun-tahun kemudian, Pagoda Leifeng runtuh dan Bai Suzhen baru dapat bertemu semula dengan suaminya, Xu Xian.

Pagoda ini terkenal kerana cerita tersebut, namun nama asal pagoda ini ialah Pagoda Gundik Permaisuri. Raja Wuyue pada zaman purba bertitah untuk membina pagoda ini bagi memperingati gundik yang melahirkan putera baginda. Oleh sebab pagoda ini dibina di tempat yang bernama Leifeng, maka ia lebih dikenali sebagai Pagoda Leifeng oleh orang tempatan.



Menjamu Selera dengan Makanan Istimewa Hangzhou

Sepanjang hari berjalan-jalan di kawasan Tasik Barat dan asyik menikmati pemandangan yang menawan, saya tidak berasa lapar pun. Hari sudah lewat, kaki berasa penat dan rasa lapar turut hadir. Sebagai seorang yang amat suka mencuba makanan di pelbagai tempat yang berbeza, pastilah penulis telah membuat persiapan yang baik. Sajian Hangzhou dikategorikan dalam Lapan Sajian Utama di China. Masakan Hangzhou manis, biasanya mengambil bahan segar seperti ikan dan ketam tawar, akar teratai, rebung dan sebagainya, dimasak dengan

kicap atau cuka. Rasa masakan Hangzhou mengutamakan “segar”. Antara lauk yang paling terkenal ialah “ikan Tasik Barat asam manis”, “ikan mua dimasak kicap”, “sup itik”, “udang Longjing”, “ayam pengemis” dan lain-lain.

Di tepi tasik, terdapat banyak restoran. Memang tak sukar untuk memilih salah sebuah yang menyajikan masakan tempatan yang tulen dan sedap.

Restoran Zhi Wei Guan yang terletak di Jalan Renhe merupakan sebuah restoran yang bersejarah di bandar Hangzhou. Restoran ini menghidangkan masakan Hangzhou yang tulen. Walaupun restoran ini bukan restoran Islam, namun hidangan “ikan Tasik Barat asam manis” dan “udang Longjing” menggunakan ikan dan udang air tawar. Oleh itu, tidak menjadi masalah untuk kawan-kawan yang beragama Islam makan di sini. **KS**

Menyewa Basikal di Tasik Barat
Terdapat banyak pusat sewa basikal di sekeliling Tasik Barat. Depositnya 300 yuan, dan sewanya 10 yuan per jam. Jika anda pandai berbasikal, inilah cara melawat yang amat bagus.

Pagoda Leifeng
Waktu Lawatan: 8.00 pg. – 8.30 mlm. (pertengahan Mac hingga pertengahan November) 8.00 pg. – 5.30 ptg. (pertengahan November hingga pertengahan Mac) Tiket Masuk: 60 Yuan

Hainan

Mutiara Di Laut China Selatan

Hainan, Zon Pembangunan Ekonomi yang terbesar di China. Sebagai satu-satunya pulau yang mempunyai sumber hutan hujan tropika di negara ini, Hainan menggigit kedatangan pelancong dari seluruh negara. Sinaran matahari yang banyak, udara yang segar dan bersih, air laut yang jernih serta cuaca yang panas sepanjang tahun menjadikan Hainan syurga pelancongan yang mendapat jolokan “mutiara di Laut China Selatan”. Melanconglah ke Hainan, provinsi paling selatan di China ini, anda pasti mengalami pengalaman yang sukar dilupakan.

Haikou ialah ibu kota provinsi Hainan dan selalu menjadi destinasi percutian pertama bagi pelancong di pulau tropika ini. Bandar Sanya

yang terletak di hujung selatan pulau Hainan juga mempunyai lapangan terbang yang sentiasa mengalu-alukan ketibaan pelancong dari pelbagai tempat. Lapangan Terbang Phoenix Sanya yang terletak 11 kilometer dari barat laut bandar Sanya, dikelilingi oleh beberapa tempat pelancongan yang terkenal; antaranya Teluk Sanya, “Hujung Tanah”, Bukit Phoenix dan lain-lain.

Jarak bandar Haikou ke Sanya sejauh 286 kilometer. Anda boleh menaiki bas jarak jauh di Hentian Timur Bas Haikou, atau menyewa sebuah kereta pandu sendiri ke Sanya. Perjalanan itu mengambil masa tiga jam. Lebih raya tanpa plaza tol yang menghubungkan Haikou dengan Sanya ini membolehkan anda



memandu ke Sanya tanpa henti.

Jika anda berada di Hainan, janganlah melepaskan peluang untuk menyaksikan persembahan “Impression Hainan”. Kebanyakan pelakon dalam persembahan ini ialah pemuda dan pemudi tempatan etnik Li dan Miao. Mereka yang pandai menari dan menyanyi akan mempersembahkan keindahan Hainan dan kebudayaan etnik-etnik minoriti di sini.

Menyelam, bermain luncur air, dan memancing di laut dalam antara acara bersantai yang utama di pulau Hainan. Selain itu, bagi mereka yang suka akan pemandangan hutan hujan tropika, hutan pokok kelapa dan Taman Botani Tropika Xinglong akan memberi anda peluang mendekati alam semula jadi dan haiwan liar.

Sekiranya masih tidak berpuas hati setelah berenang dan menyelam, anda boleh cuba mandi dalam kolam mata air panas di Hainan. Terdapat lebih 300 buah kolam mata air panas di seluruh pulau ini, selain perkhidmatan urut dan SPA, padang golf, gimnasium untuk memenuhi cita rasa pelancongan.

Selepas sepanjang hari berenang atau mencuba acara pelancongan yang menarik, sampailah waktunya untuk menjamu selera.

Restoran dan pasar malam di Hainan sentiasa penuh dengan pelanggan. Antara masakan istimewa Hainan ialah Ayam Wenchang, Kambing Dongshan, Itik Jiaji dan Ketam Hele.

Untuk menyambut pelancong dari dalam dan luar negara bercuti di pulau yang indah ini, Jabatan Pelancongan Hainan dan China.com bersama-sama menganjurkan aktiviti melalui laman sesawang. Peserta yang bertuah berpeluang memenangi dua tiket penerbangan ulang alik ke Hainan, atau kraf tangan tradisional China. Untuk maklumat yang lebih lanjut, sila layari laman sesawang hainan.travel.china.com. 





Weiqi, berasal dari China dan juga dipanggil go dalam bahasa Inggeris. Ia amat popular di China, Jepun dan Republik Korea dan merupakan sejenis permainan yang memerlukan kebijaksanaan yang tinggi.

Terdapat banyak pandangan yang berlainan mengenai asal usul Weiqi yang disebarkan dalam kalangan rakyat.

Pada pandangan masyarakat zaman purba, catur Weiqi membawa konsep hampir semua perubahan di bumi dan langit, maka permainan yang ajaib ini tidak mungkin dicipta oleh manusia biasa. Oleh yang demikian, terdapat banyak cerita tentang dewa-dewi mencipta Weiqi. Kononnya pada zaman Dinasti Zhou (abad ke-11 S.M. - 256 S.M.), Raja Mu mengembara ke barat dan diundang mengunjungi Dewi Xiwangmu di Gunung Kunlun. Raja Mu bukan sahaja belajar cara bermain Weiqi, malah juga membawa balik satu set papan catur Weiqi. Baginda amat menggemari Weiqi itu dan tidak menunjukkan Weiqi itu kepada orang lain. Apabila Raja Mu mangkat, set Weiqi itu turut dikebumikan bersama-sama baginda. Beratus-ratus tahun kemudian, makam baginda ditemui orang dan barulah papan dan catur Weiqi diketahui umum.

Menurut kajian sejarah, Weiqi dicipta oleh Raja Yao, lebih empat ribu tahun yang lalu. Raja Yao mempunyai anak yang sangat aktif. Maka Raja Yao mencipta permainan

ini supaya anak itu menjadi tenang dan suka berfikir. Satu lagi cerita mengenai asal usul Weiqi ialah, menurut buku sejarah Bo Wu Zhi, Weiqi dicipta oleh Raja Shun untuk meningkatkan tahap kecerdasan anaknya.

Selain itu, terdapat juga beberapa cerita tentang asal usul Weiqi. Menurut Encyclopedia Britannica, Weiqi dicipta oleh orang China pada tahun 2356 S.M., manakala menurut Encyclopedia Americana pula, Weiqi dicipta oleh orang China pada tahun 2300 S.M. Walaupun tiada bukti dan cara kedua-dua keputusan tersebut dicapai, namun ia lebih kurang dengan wujudnya zaman Raja Yao dan Raja Shun.

Walau bagaimanapun, orang Jepun menafikan Weiqi berasal dari China, sebaliknya berasal dari kawasan Asia Tengah. Pada pandangan mereka, permainan dari Asia Tengah tersebut disebarkan ke Eropah dan menjadi Catur Antarabangsa, kemudian disebarkan ke Timur dan menjadi Weiqi setelah dipengaruhi ilmu falak dan ilmu yang lain di China. **Ks**



China ABC

Asal Usul Weiqi

Tujuh Cara Atasi Gangguan Ritma Harian

oleh: **Lv Qing**

Apabila melancong ke luar negara, ramai yang mengalami masalah gangguan ritma harian jika merentasi dua atau lebih zon masa. Kita perlu menyelesaikan masalah tersebut dengan segera supaya bersemangat untuk menikmati pemandangan yang indah dan hidangan yang lazat di destinasi yang dikunjungi, bukannya menderita kepala terasa berat dan pening, mengantuk sepanjang siang tetapi berjaga pada sebelah malam, termasuk sukar menumpukan perhatian dan berfikir, bahkan berasa risau dan mudah marah sehingga mengganggu rancangan percutian.

Ada beberapa saranan buat anda untuk mencari penyelesaian gangguan ritma harian.



1. Melakukan penyesuaian masa dengan waktu lokasi yang bakal dikunjungi lebih awal. Cara ini merupakan kaedah yang mudah dijalankan. Sebagai contoh, jika anda akan beralih lokasi dari barat ke timur, cuba ubah suai waktu tidur anda 1-2 jam lebih awal selama beberapa hari sebelum bertolak. Jika lokasi yang bakal dikunjungi terletak di barat, belajarlah tidur dan bangun lewat. Cara ini

amat sesuai bagi mereka yang memerlukan masa melebihi dua hari dalam perjalanan. Apa yang perlu diberikan perhatian adalah proses pengubahsuaian waktu tidur dan bangun perlu dijalankan selangkah demi selangkah, jika tidak, anda akan mengalami masalah tidur sebelum melakukan perjalanan.

2. Mengubah suai menu. Tiga hari sebelum bertolak, anda dicadangkan menetapkan menu mengikut peraturan: hidangan mewah → hidangan sederhana dan ringkas → hidangan mewah. Hidangan mewah bermaksud pilih menu tinggi protein pada siang hari dan makan secukupnya makanan tinggi karbohidrat pada sebelah malam; hidangan sederhana bermaksud mengurangkan bahan makanan tinggi protein mahupun makanan tinggi karbohidrat. Pada hari yang akan bertolak itu, makanan tinggi kalori pun perlu dikurangkan. Ini kerana menu tinggi protein akan menstimulasi tubuh menjadi aktif, manakala menu tinggi karbohidrat pula akan menstimulasi tubuh untuk tidur. Jika anda mengambil minuman yang mengandungi kafein, minuman itu perlu diambil pada sebelah malam sekiranya anda beralih dari lokasi barat ke timur, dan minum pada sebelah pagi sekiranya beralih dari lokasi timur ke barat.

3. Berjemur di bawah sinar matahari sebaik tiba di destinasi yang anda tuju, kerana cahaya matahari membantu untuk menyelaraskan jam biologi tubuh manusia bagi menyesuaikan diri dengan waktu dan suasana baharu serta mengatasi gangguan ritma harian. Meskipun cuaca mendung, anda juga disarankan keluar mengambil udara dan bersiar-siar kerana cahaya terang di luar dapat mengubah jam biologi secara semula jadi.

4. Melakukan aktiviti riadah. Gangguan ritma

harian mengakibatkan badan lesu, kepala berat dan pening sehingga menyebabkan anda mahu menikmati tidur yang cukup. Namun jika tidur pada masa ini, keadaan anda akan menjadi lebih teruk. Maka, anda dicadangkan menahan diri daripada tidur dan melakukan aktiviti riadah, berjalan-jalan, bahkan pergi membeli-belah untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana aktiviti riadah mendorong tubuh dan saraf anda menyesuaikan diri dengan waktu dan suasana baharu dengan cepat. Selain itu, penggunaan tenaga stamina badan juga membolehkan anda tidur dengan nyenyak dan stabil pada waktu malam.

5. Tidak makan. Anda disarankan mengurangkan bahkan tidak makan di dalam pesawat, sebaliknya minum air kosong. Ini kerana kekurangan makanan bermanfaat untuk menyusutkan stamina badan bagi mengurangkan beban kepada perut. Setelah sampai ke destinasi yang ditujui dan makan sarapan secara normal pada keesokan harinya, tubuh badan anda akan berasa lebih cergas dan kembali bersemangat.

6. Makan melatonin. Melatonin dikenali sebagai hormon yang berfungsi untuk mengatur jam biologi tubuh manusia, dan dapat digunakan untuk mengatasi masalah tidur ekoran gangguan ritma harian. Melatonin perlu dimakan bermula pada waktu malam hari bertolak dan makan selama beberapa hari secara berturut-turut. Bagi mereka yang terbang dari barat ke timur, melatonin amat berkesan jika dimakan pada pukul 6 hingga 7 pada waktu malam beberapa hari sebelum menaiki pesawat.

7. Makan astaxanthin. Astaxanthin menunjukkan kesan antioksidan yang paling tinggi yang ditemui setakat ini iaitu mencapai 1000



kali ganda lebih tinggi daripada Vitamin E, dan dapat menyelaraskan keseimbangan sistem badan dengan segera serta membantu melambatkan melatonin teroksidasi dan kehilangan kesan. Sehubungan dengan itu, bagi mereka yang mengalami gangguan ritma harian yang teruk, makan astaxanthin lebih berkesan. Astaxanthin disarankan diambil 30 minit selepas makan malam, dan elakkan menghisap rokok.

Selain itu, pati minyak lavender berfungsi membantu menenangkan sistem saraf dan meningkatkan kualiti tidur. Jika mengalami masalah tidur, boleh juga titiskan pati minyak ini ke bantal supaya dapat tidur dengan nyenyak. Pycnogenol yang dihasilkan daripada kulit pokok pain Perancis juga boleh diamalkan. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan di Itali, Pycnogenol disahkan dapat mengurangkan simptom penat, insomnia, dan lambat berfikir akibat gangguan ritma harian. Tirosina yang merupakan sejenis asid amino dalam protein daging dan kacang. Menurut hasil penyelidikan, tirosina dapat meningkatkan tahap kecepatan reaksi pesakit yang mengalami gangguan ritma harian. Dengan ini, makan kacang hitam atau produk kacang yang mengandungi tirosina amat berfaedah bagi mereka melakukan perjalanan yang lama. **KS**





Beli-belah di China Pada Hujung Tahun

Lazimnya, hujung tahun hingga awal tahun baharu merupakan masa bagi ramai orang menggunakan bonus hujung tahun untuk membeli barangan buat keluarga ataupun untuk diri sendiri sebagai ganjaran. Pada ketika itu, kedai-kedai di kota fesyen, pusat beli-belah di pelbagai tempat di dunia masing-masing akan menawarkan potongan harga dan pelbagai diskaun dengan kadar yang menarik.

Selain Hong Kong yang digelar sebagai syurga beli-belah, bandar raya Guangzhou dan Shenzhen juga merupakan pilihan yang baik bagi para pengunjung. Dari segi geografi, perjalanan dari Malaysia ke bandar-bandar China tersebut hanya mengambil masa tiga jam. Jika berkunjung ke sini pada hujung minggu, agak praktikal dan mudah untuk mendapat barangan yang diperlukan.



Hong Kong: Syurga Beli-belah

Hong Kong memang terkenal dengan tawaran potongan harga yang gila-gila semasa menyambut Hari Krismas setiap tahun. Walaupun sewa penginapan hotel lebih tinggi pada masa itu berbanding dengan masa yang lain, tetapi membeli-belah di Hong Kong dalam tempoh jualan murah itu menarik ramai pelanggan.

Antara barangan yang dijual di Hong Kong, termasuk barang-barang kosmetik, hampir semua jenama antarabangsa seperti Shiseido, Lancome, Estee Lauder, Biotherm dan jenama lain dijual dengan harga yang lebih rendah dalam tempoh jualan murah. Selain kedai SaSa yang terkenal dengan jualan barang-barang kosmetik, pembeli yang lebih pandai juga suka pergi ke kedai farmasi Lung Shing

yang terletak di Tsim Sha Tsui untuk membeli barang-barang kosmetik.

Selain kosmetik, pelbagai koleksi jam tangan daripada jenama antarabangsa juga dijual dengan harga yang berpatutan di Hong Kong. Kedai flagship Cartier yang pertama di Asia yang terletak di Jalan Peking menawarkan pelbagai model terbaharu.



Panduan Khas:

Kedai Amour Antiques yang terletak di Central menawarkan diskaun khas sehingga 50% terhadap patung antik semasa menyambut Hari Krismas. Jualan khas selalu diadakan di Bazar yang terletak di Time Square. Barangan Nike dijual dengan diskaun sehingga 90%. Barangan jenama Balenciaga di SOGO sempena Hari Krismas selalu dijual dengan diskaun antara 50% hingga 60%.

Kedai Outlets yang paling besar di Hong Kong adalah Citygate Outlets yang terletak di Tung Chung. Barang-barang di kedai ini diberikan diskaun harga yang paling hebat di Hong Kong. Sekarang terdapat 50 jenama antarabangsa telah membuka kedai di sana, antaranya Bally, D'urban, L.T, dan Polo Ralph Lauren yang tentu tidak asing bagi orang ramai. Oleh sebab kedai ini tidak begitu jauh dari lapangan terbang, para pengunjung selalu menjadikannya sebagai destinasi pertama atau terakhir dalam pelancongan ke Hong Kong.

Walaupun Hong Kong diberi status bebas cukai, tetapi kedai DFS di sana juga menarik minat para pelancong kerana ada koleksi kosmetik yang dijual di kedai itu tidak dapat dijumpai di kedai lain dan lebih sesuai dihadiahkan kepada kawan-kawan.



Guangzhou: Pusat Beli-belah Bajet

Berbeza dengan Hong Kong yang terhimpun hampir semua jenama mewah seluruh dunia, tempat beli-belah di Guangzhou lebih mesra pelanggan biasa, walaupun bajet anda untuk membeli-belah terhad, anda masih dapat menemui barang-barang yang anda gemari di sini.

World Trade Mall, Himpunan Jenama Terkenal

World Trade Mall merupakan tempat beli-belah popular yang baharu di Guangzhou. Ia terletak di Jalan Taojin. Hampir semua jenama pakaian yang bermutu tinggi di Guangzhou dapat dibeli di sini. Persekitaran membeli-belah, dan kemudahan di sini yang dianggap paling sempurna menarik minat mereka yang mengejar kualiti walaupun harga barangan sini agak mahal.

Kota Tianhe, Kegemaran Golongan Berpendapatan Sederhana

Kota Tianhe antara plaza beli-belah paling ramai

pengunjung di Guangzhou. Walaupun harganya tidak murah, namun memang berbaloi dengan nilainya. Di sini anda dapat menemui jenama pakaian beraneka ragam gayanya. Harganya pun ada banyak pilihan. Jika jualan hebat diadakan, tingkat 7 menjadi tempuan peminat barangan berjenama.

Zhuang Yuan Fang, Pasar Barangan Kraftangan

Zhuang Yuan Fang ialah sebatang lorong kuno yang bersejarah lebih 700 tahun. Lorong ini diberikan nama Zhuang Yuan (panggilan johan dalam peperiksaan kebangsaan dalam zaman silam), sempena nama Zhang Zhensun, juara peperiksaan kebangsaan pada zaman Dinasti Song pernah tinggal di sini. Sejak pemerintahan Maharaja Kangxi pada zaman Dinasti Qing, lorong ini telah dipenuhi gerai-gerai perhiasan emas dan perak, menghasilkan kostum opera dan barangan

sulaman. Kehalusan barang kraftangan yang dihasilkan di gerai-gerai di Zhuang Yuan Fang terkenal di dalam dan luar negara.

Jalan Komersial Wende, Jalan Kebudayaan

Jalan Wende terletak di timur Kuil Konfusius Guangzhou. Jalan Wende merupakan jalan kebudayaan sejak zaman Dinasti Song Utara dan mencapai puncak kemakmurannya pada penghujung zaman Dinasti Qing. Pada masa itu hampir 50 buah kedai kebudayaan dibuka di sini. Ada juga peniaga runcit menjual barang-barang di tepi jalan. Jalan Wende kini digelar sebagai "Jalan Pertama Kebudayaan Guangzhou". Sebanyak 300 buah kedai menjual barang keperluan kebudayaan di kedua-dua tepi jalan. Terdapat juga pusat komersil yang menjual karya seni khat dan lukisan serta alat-alat tulis dan lukis yang bermutu tinggi.

Shenzhen: Bandar Beli-belah yang Moden

Dari barangan jenama antarabangsa yang terkenal hinggalah barangan kegunaan harian, semuanya boleh dibeli di Shenzhen. Pelbagai kawasan beli-belah di bandar ini juga membentuk ciri-ciri tersendiri dalam proses perkembangannya.

Zon Perniagaan Dongmen

Lawatan ke Shenzhen dianggap tidak lengkap jika tidak melawat ke jalan lama Dongmen. Kawasan pejalan kaki itu merupakan kawasan perniagaan yang mempunyai sejarah paling lama di Shenzhen. Setelah jalan lama itu dinaik taraf, kawasan pejalan kaki itu merangkumi fungsi membeli-belah, hiburan dan pelancongan. Selain kompleks beli-belah seperti Gedung Serbaneka Maoye dan Pusat Meli-belah Tianhong, terdapat juga banyak kedai francais. Arked yang klasik tempatan menjadi koridor perniagaan moden. Kawasan perniagaan Dongmen berjaya menarik pengguna khususnya golongan muda di Shenzhen bermula awal pagi hingga tengah malam.

Zon Perniagaan Luohu

Kawasan Luohu berdekatan dengan Hong

Kong. Ramai orang yang pergi dan balik antara Tanah Besar dengan Hong Kong mesti melalui kawasan ini. Pusat beli-belah yang menjual barangan mewah termasuk Gedung Seibu, Gedung Kota Youyi, Pusat Beli-belah Tian'an, Gedung Jinguanghua, Kota Perniagaan Luohu dan lain-lain. Selain itu, terdapat banyak pawagam, KTV dan kemudahan hiburan yang lain. Industri makanan dan minuman cukup makmur di sini dan juga tidak kurang pusat perkhidmatan kewangan.


Kota Pemborong Produk Eropah Nanyang Haiyan merupakan tempat terkenal untuk memborong pakaian Eropah. Elemen fesyen pelbagai jenama antarabangsa yang paling terkenal dapat ditemui di sini. Banyak pakaian Eropah yang dijual di kedai fesyen di seluruh negara diborong di sini. Jika ingin membeli-belah di sini, pastikan anda pandai

tawar-menawar dan meminta potongan harga sekurang-kurangnya 50%. Pakaian dijual dengan harga yang berpatutan biasanya pada masa peralihan musim.

Zon Perniagaan Huaqiangbei

Kawasan Huaqiangbei dulu merupakan kawasan perkilangan. Pada tahun 1990-an, kawasan ini berubah menjadi kawasan perniagaan yang sibuk dalam tempoh beberapa tahun sahaja. Sekarang kawasan Huaqiangbei telah menjadi lingkaran perniagaan yang paling lengkap yang mengutamakan produk elektronik, dan juga termasuk barang kegunaan seharian, pakaian, batu permata, makanan dan minuman serta perkhidmatan kewangan.

Gedung Tongluowan merupakan pusat beli-belah yang paling besar di kawasan ini. Selain itu juga terdapat Gedung Maoye, Kota Zijing, Plaza Qunxing, Plaza Manha, Dunia Kanak-kanak, Pusat Beli-belah Xinhaoda, Dunia Perempuan dan lain-lain. Pusat Beli-belah Tianhong bersama-sama pusat beli-belah bebas cukai telah menjadi satu lagi destinasi utama dalam lingkaran perniagaan Huaqiangbei. **KS**



Kalendar “24 musim” merupakan satu sistem yang membahagikan masa setahun kepada 24 penggal yang panjangnya hampir sama dan perubahan iklimnya tidak besar. Sistem kalendar ini merupakan hasil kajian rakyat China setelah mereka menjalankan cerapan cakerawala dan membuat pemerhatian yang teliti dalam bidang meteorologi. Sistem kalendar ini sangat berguna bagi kaum tani kerana daripada kalendar ini, mereka boleh mengetahui masa yang paling sesuai untuk melakukan aktiviti pertanian seperti penanaman dan penuaian.

Berdasarkan catatan sejarah, pada tahun 104 Sebelum Masihi, orang China telah menghasilkan kalendar “24 musim”. Rakyat China pada zaman purba juga telah mencipta “Lagu 24 Musim” dan “Sajak 24 Musim” supaya orang ramai lebih mudah mengingat sistem kalendar ini.

Kalendar 24 Musim

oleh **Chang Shan**



Permulaan Musim Bunga

“Permulaan Musim Bunga” merupakan musim pertama dalam sistem kalendar “24 musim”. Ia menandakan ketibaan musim bunga di China yang biasanya jatuh pada 4 Februari setiap tahun. Perayaan Tahun Baharu Cina tidak semestinya jatuh pada hari “Permulaan Musim Bunga”. Misalnya, Tahun Baharu Cina bagi tahun 2015 akan disambut pada 19 Februari, iaitu 15 hari lewat daripada “Permulaan Musim Bunga” yang jatuh pada 4 Februari. Bagi kaum tani, “Permulaan Musim Bunga” juga menandakan bermulanya musim penyemaian benih atau penanaman, kerana dalam dunia alam semula jadi, musim bunga merupakan musim bertunas dan mula tumbuh serta haiwan bangun daripada hibernasi sepanjang musim sejuk. Bermula dari hari “Permulaan Musim Bunga”, suhu udara, sinaran matahari dan sukatan hujan akan menjadi semakin bertambah. Selepas hari itu, segala tanaman pertanian juga tumbuh semakin pesat dan memerlukan lebih banyak air. Maka, bermula dari hari itulah, kaum tani akan lebih giat bercucuk tanam, lebih kerap menyiram dan menggunakan baja untuk menambah kesuburan tanah.





Mang Zhong

Hari “Mang Zhong” merupakan penggal ke-9 dalam Kalendar “24 Musim” yang jatuh pada 5, 6 atau 7 hari bulan Jun setiap tahun.

Dalam perkara ini, “Mang” bermaksud musim tuaian bagi tanaman yang mempunyai jejanggut seperti gandum. “Zhong” pula bermaksud musim penanaman bagi tumbuhan biji-bijian. Jadi, ketibaan hari “Mang Zhong” menandakan tanaman

yang dituai pada musim panas seperti gandum sudah masak dan kerja persiapan perlu dibuat untuk menanam tanaman yang dituai pada musim gugur.

Di kebanyakan kawasan di China, terutamanya di bahagian utara, sebaik sahaja tiba hari “Mang Zhong”, tanaman yang matang pada musim panas sudah sampai masanya untuk dituai. Serentak dengan itu, para petani juga perlu menanam tanaman musim panas untuk dituai pada musim gugur di samping menjaga tanaman yang ditanam pada musim bunga seperti jagung. Oleh yang sedemikian, “Mang Zhong” merupakan musim yang paling sibuk bagi petani.

Di China, terdapat bidalan tentang hari “Mang Zhong” yang berbunyi: “menuai gandum seperti

menyelamatkan kebakaran, kerja menuai mesti diselesaikan dengan secepat mungkin”. Ini menggambarkan betapa sibuknya para petani setelah ketibaan hari “Mang Zhong”.

Di China, disebabkan wilayahnya yang begitu luas, cuaca di utara dan selatan China adalah berbeza-beza. Pada sekitar hari “Mang Zhong”, bahagian selatan China telah memasuki musim hujan yang biasanya selama sebulan. Oleh sebab buah plum juga masak pada masa itu, jadi tempoh yang selalu turun hujan itu juga dikenali sebagai musim “hujan plum” di selatan China. Pada musim “hujan plum”, jumlah penurunan hujan akan meningkat, sinaran matahari akan berkurang dan suhu udara juga mungkin menurun dengan banyak.

Da Shu

Dalam bahasa China, “Shu” bermaksud kepanasan. Dalam kalendar “24 Musim”, penggal yang sebelum “Da Shu” ialah “Xiao Shu”. “Da” bermaksud besar atau banyak, manakala “Xiao” bermaksud kecil atau sedikit. Setelah tibanya “Xiao Shu”, walaupun cuaca telah mulai panas, tetapi masih belum sampai kemuncaknya. Akan tetapi, ketibaan hari “Da Shu” yang biasanya jatuh pada hujung Julai setiap tahun menandakan permulaan musim yang paling panas dalam masa setahun.

Dalam tempoh “Da Shu”, suhu udara di kebanyakan kawasan di China akan mencecah sehingga 40 darjah

Celsius. Sementara itu, “Da Shu” juga merupakan musim yang paling banyak kejadian petir yang diikuti dengan hujan petir.

Di kebanyakan kawasan di China, musim “Da Shu” merupakan tempoh iaitu cahaya, haba dan air yang paling penuh dalam tempoh setahun. Ketiga-tiga unsur yang saling bergantung antara satu sama lain itu telah menyediakan persekitaran yang berfaedah bagi pertumbuhan tanam-tanaman.

Akan tetapi, pada beberapa tahun ini, akibat kesan pemanasan global, banjir sering berlaku di sesetengah kawasan di bahagian selatan China dan kemarau pula sering berlaku di utara China. Ini bukan sahaja

menjejaskan hasil pertanian tempatan, tetapi juga turut menyusahkan kehidupan harian penduduk tempatan.



Solstis Musim Panas

Hari “Solstis Musim Panas” yang biasanya jatuh pada 21 atau 22 hb Jun setiap tahun merupakan penggal ke-10 dalam “24 Musim”. Pada hari itu, matahari berada paling jauh ke utara dari khatulistiwa dan paling dekat dengan garisan lintang utara iaitu pada 23.5 darjah, dan waktu siangnya menjadi paling panjang dalam sepanjang tahun itu.

Oleh sebab wilayah China yang luas, waktu siang bagi kawasan selatan dan utara China adalah tidak sama. Misalnya, waktu siang di bandar Haikou, tempat yang paling selatan di China sepanjang lebih 13 jam, tapi waktu siang di Beijing pada hari tersebut sepanjang kira-kira 15 jam, bahkan di tempat paling utara China, iaitu Mohe di provinsi Heilongjiang, waktu siangnya pula sepanjang lebih 17 jam.

Walau bagaimanapun, selepas hari “Solstis Musim Panas” berlalu, tempat yang paling dekat dengan matahari akan beransur-ansur beralih ke selatan dan menyebabkan waktu siang di hemisfera utara juga beransur-ansur menjadi pendek.

Embun Sejuk

“Embun Sejuk” yang biasanya jatuh pada 8 atau 9 hari bulan Oktober setiap tahun merupakan penggal ke-17 dalam kalendar “24 Musim”.

Pada hari “Embun Putih”, suhu udara pada waktu malam yang turun dengan cepat, menyebabkan wap air yang endap pada benda-benda di permukaan tanah menjadi titik-titik air yang berwarna putih.

Manakala, setelah hari “Embun Sejuk” berlalu, suhu udara akan menjadi lebih rendah sehingga sejumlah besar wap air dalam udara akan menjadi titik-titik embun.

Pada musim itu, secara purata, suhu udara harian di kebanyakan tempat di China akan menurun ke bawah 20 darjah Celsius. Malah, di sesetengah kawasan di bahagian timur laut dan barat laut China, suhu udara yang paling rendah pula akan jatuh di bawah 8 darjah Celsius. Pada waktu malam, penduduk di sana sudah boleh merasai kesejukan sehingga mencucuk

tulang-temulang. Kadang kala, fenomena fros juga mungkin berlaku pada waktu malam di sesetengah tempat.

Selepas hari “Embun Sejuk”, musim hujan di China akan berakhir. Cuaca di kebanyakan kawasan cerah, panas pada waktu siang dan sejuk pada waktu malam. Cuaca itu sesuai bagi kerja-kerja menuai jagung, kapas dan tanaman-tanaman yang lain. **KS**





Etnik yang Beragama Islam di China



Etnik Hui

oleh: **Zhou Qiaoxi**

Etnik Hui yang berjumlah lebih 10.58 juta orang (keputusan bancian pada tahun 2010), merupakan etnik keempat teramai antara etnik minoriti di China.

Orang etnik Hui menganut agama Islam, oleh itu, mereka mempunyai adat resam dan cara hidup yang hampir sama dengan etnik-etnik lain yang menganut agama Islam.

Kawasan petempatan etnik Hui sangat luas, hinggalah hampir semua kawasan di China terdapat orang etnik ini. Ramai orang etnik Hui tinggal secara berkelompok di Ningxia, Gansu, Qinghai, Xinjiang, Henan, Hebei, Shandong dan Yunnan.

Orang etnik Hui di Gansu, Qinghai dan Ningxia kebanyakan bekerja dalam sektor pertanian dan penternakan, orang etnik Hui di Xinjiang dan Mongolia Dalam kebanyakannya berkhidmat dalam sektor penternakan, manakala mereka di Henan, Hebei dan Shandong juga pandai berniaga selain bekerja dalam sektor pertanian. Orang etnik Hui yang tinggal di pelbagai daerah di bahagian barat daya China menceburkan diri dalam sektor pertanian, perniagaan dan pengangkutan, manakala antara orang etnik Hui di provinsi Hainan ramai yang bekerja dalam sektor perkapalan dan perikanan.

Orang etnik Hui menggunakan bahasa

Mandarin, yang memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf ekonomi dan kebudayaan etnik itu. Di samping itu, etnik Hui yang tinggal di pelbagai tempat China ini juga fasih bercakap bahasa etnik lain di kawasan itu.

Terdapat beberapa bentuk nyanyian dan tarian yang tersebar dalam kalangan orang etnik Hui. Antaranya, nyanyian Huaer untuk mengekspresikan harapan orang muda terhadap kemurnian alam percintaan. Pelbagai acara kesenian tradisi seperti nyanyian, tarian dan bermain alat muzik sering dipertunjukkan dalam sesuatu persembahan masyarakat Hui.

Kaum Islam China mempunyai tubuh badan yang sihat dan kuat, serta berani. Ini kerana mereka mengamalkan latihan kecerdasan dan gerak badan menerusi seni mempertahankan diri yang diwarisi daripada nenek moyang iaitu wushu etnik Hui. Usaha dan kerajinan untuk memperkaya dan meningkatkan Wushu China menjadi aset bangsa China.

Wushu etnik Hui pada masa lalu hanya diperturunkan kepada golongan lelaki. Seni ini dikatakan sebagai seni silat keluarga kerana mempunyai pewaris yang mesti dipatuhi oleh mereka. Namun, cara mewariskan Wushu etnik Hui juga mengalami perubahan ekoran perubahan dalam masyarakat. **KS**



Masjid Qianmen, Beijing

oleh: **Xu Guowei**

Masjid Qianmen, Beijing dibina pada akhir zaman Dinasti Ming pada awal abad ke-16 dan dibaik pulih secara besar-besaran pada tahun 1680 dan 1795.

Masjid yang telah berusia lebih 500 tahun itu dinamakan Masjid Saozhou pada zaman dahulu kerana lokasinya yang berhampiran dengan Jalan Saozhou. Pada tahun 2000, nama masjid itu ditukar kepada Masjid Qianmen.

Masjid Qianmen luasnya kira-kira 1,800 meter persegi dan bercirikan seni bina tradisional Beijing. Seramai lebih dua ribu orang umat Islam tinggal di sekitar masjid tersebut.

Terdapat sebuah kitab al-Quran tulisan tangan yang dihasilkan oleh umat Islam dari Asia Barat pada zaman dahulu masih tersimpan di masjid tersebut.

Pada beberapa tahun lepas, Masjid Qianmen telah menubuhkan tadika untuk kanak-kanak dari keluarga Islam serta restoran menjual sarapan dan kedai daging kambing dan lembu yang halal. Langkah-langkah tersebut memudahkan kehidupan umat Islam di kawasan tersebut. **KS**



wǒ xiǎng qù qián mén qīng zhēn sì, xiè xiè.

我想去前门清真寺, 谢谢。

Saya nak pergi ke Masjid Qianmen, terima kasih.

dì zhǐ: xī chéng qū láng fáng èr tiáo yáng wēi hú tòng.

地址: 西城区廊房二条扬威胡同。

Alamat: Lorong Yangwei, Jalan Langfang Ke-dua, Daerah Xicheng.



Sup Itik dengan Suhun

Hi, semua pembaca! Saya Anisah, selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah. Mulai keluaran ini, saya akan memperkenalkan pelbagai hidangan lazat yang amat saya gemari kepada anda. Mari kita bersama-sama berkongsi hidangan peribadi Anisah!

Kali ini, saya akan mempromosikan satu hidangan yang amat sedap dan berfaedah bagi kesihatan tubuh badan, iaitu sup itik dengan suhun.

Orang China suka akan sup kerana baik bagi kesihatan. Oleh sebab sup tidak memerlukan proses menggoreng, maka makan sup bukan sahaja mencegah obesiti, tetapi juga boleh mengurangkan risiko kardiovaskular. Bagi perempuan, sup juga dikatakan mempunyai fungsi menjadikan kita makin jelita. Saya suka akan semua makanan yang mempunyai fungsi sebegini. Di China, ada bidalan yang menyebut "Makan sup sebelum makan hidangan, kita semakin jelita; makan sup selepas makan hidangan, kita semakin gemuk". Jangan lupa bidalan itu!

Sup itik dengan suhun, amat popular di kawasan

Jiangsu dan Zhejiang China. Ia senang dimasak dan rasanya sangat enak. Sup yang direneh dan ditambah daging itik memenuhi karbohidrat dan protein, tetapi kandungan lemak amat rendah. Ini bukan sahaja bermanfaat bagi orang yang kena hiperglisemia, tetapi juga boleh membantu kita mengurangkan berat badan. Kita boleh memasak sup ini untuk warga emas dalam keluarga kita.

Bahan utama:

Itik, suhun, bawang, halia, daun sup

Cara memasak:

1. Panaskan air dalam kuali.
2. Masukkan itik yang telah dipotong, halia, dan bawang ke dalam kuali. Didihkan sup dengan api besar, diikuti dengan api kecil sehingga masak.
3. Masukkan suhun dalam sup, masak selama 1 hingga 2 minit. Masukkan garam dan daun sup sebelum dihidangkan.



Melancong ke Guilin Secara Percuma



Like Kembara Sutera di www.facebook.com/kembarasutera, jawab soalan dan tinggalkan komen, anda berpeluang memenangi hadiah melancong di Guilin secara percuma.



Jom ke China

Merancang percutian ke China?

Nak cari

**Warisan
Budaya**

**Hotel
Penginapan**

**Restoran
Makanan
Halal**

**Tempat
Peranginan**

Masjid



Semua info yang berguna ada di sini.

Kenali China sebelum datang ke China.

**Menjadi rakan kami melalui ID: Kembara-Sutera
atau terus skan kod QR ini.**

